



SIARAN MEDIA

KPKT BERJAYA SEDIAKAN 100 RUKOM MENERUSI URBANICE, PERKUKUH KESEJAHTERAAN KOMUNITI

IPOH, 6 Disember 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini mencipta satu lagi pencapaian menerusi pelancaran Ruang Komuniti (RUKOM) ke-100 di Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Keayang, Ipoh.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata pencapaian yang berjaya direalisasikan oleh URBANICE Malaysia seperti yang disasarkan itu, bukan sekadar penyediaan ruang komuniti, malah suatu usaha impak besar dan mendalam terhadap pemeraksanaan kesejahteraan komuniti yang lebih harmoni serta berdaya huni.

“Kejayaan pelancaran RUKOM ke-100 ini bukan penamat tetapi permulaan kepada fasa baharu KPKT dalam membina persekitaran hidup yang lebih sejahtera. KPKT akan terus memperluas inisiatif RUKOM, memastikan setiap komuniti perumahan rakyat mempunyai ruang yang inklusif untuk berinteraksi, berinovasi dan memperkukuh perpaduan,” katanya pada Majlis Pelancaran RUKOM ke-100 sempena Program Sentuhan Kejayaan URBANICE 2025.

Inisiatif RUKOM ini juga selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan) melalui penyediaan ruang sosial yang inklusif, selamat dan mampan untuk penduduk bandar.

Pelaksanaan RUKOM bermula pada 6 Julai 2023 dengan pembinaan ruang komuniti pertama di PPR Seri Malaysia, Kuala Lumpur. Sejak itu, KPKT terus komited memperluaskan akses kepada RUKOM yang mesra rakyat dan mempunyai impak sosial tinggi khususnya kepada golongan B40.

Dengan tema "Integrasi Sosial di Ruang Bersama" atau "Social Integration at Common Space", RUKOM bukan sekadar ruang fizikal, tetapi platform sosial yang menghubungkan pelbagai generasi, memperkukuh jaringan komuniti serta memupuk rasa empunya dalam kalangan penduduk.

Walaupun berdepan cabaran seperti kekangan ruang fizikal di beberapa PPR yang tidak mempunyai kawasan kosong, URBANICE melalui pendekatan inovatif termasuk transformasi ruang, perancangan bajet dan rundingan bersama penduduk berjaya mewujudkan RUKOM sebelum mendapatkan kelulusan Lembaga Perumahan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

KPKT menyeru semua pihak berkepentingan untuk terus menyokong pembangunan dan pengisian RUKOM agar menjadi pusat komuniti yang aktif dan memberikan manfaat kepada generasi akan datang terutamanya kepada anak-anak golongan B40 untuk mencipta masa hadapan yang lebih baik. Dengan komitmen berterusan, aspirasi Malaysia MADANI untuk mewujudkan bandar yang mampan, harmoni dan berdaya huni dapat direalisasikan secara bersama.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

